

01/10/2002

Memahami Malaysia sebagai negara Islam

Khairul Anwar Rahmat

FASAL 3, Perkara 1, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama rasmi Malaysia. Berdasarkan prinsip itu, tiada siapa boleh menolak hakikat bahawa Malaysia adalah negara Islam.

Sehubungan itu, pengisytiharan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perkara itu pada 29 September 2001 sewajarnya dialu-alukan umat Islam negara ini.

Bagaimanapun, untuk mengekalkan sikap penentangan ke atas setiap usaha kerajaan, ada pihak yang mempertikaikan pengumuman itu lalu mempersoalkan motif di sebaliknya.

Yang nyata, tindakan mereka itu sekadar menyerlahkan kedangkalan pemikiran dan kelemahan memahami Perlembagaan serta realiti semasa.

Pihak berkenaan gagal memahami pengisytiharan Perdana Menteri hanya mengesahkan status Malaysia sebagai negara Islam kerana amalan sedia ada sudah lama menjurus ke arah itu.

Bagaimanapun, sama ada golongan itu mahu mengiktirafnya atau tidak, hakikatnya Malaysia adalah negara Islam.

Beberapa ciri asasnya sudah dipenuhi. Diperintah oleh orang Islam, melaksanakan dasar Islam serta beriltizam menerapkan sistem ekonomi dan pendidikan Islam.

Pendek kata, ia merangkumi segenap aspek kehidupan rakyat. Malah, walaupun masih belum melaksanakan hukuman hudud sepenuhnya, beberapa cendekiawan Islam berpendapat hukuman takzir yang diamalkan sekarang sudah memenuhi maqasid (objektif) syariah dan selari dengan kehendak Islam.

Di Malaysia, agama Islam berkembang dengan luas dan syumul. Tiada siapa yang boleh membuktikan perkara sebaliknya. Segala suruhan Allah yang wajib, diamalkan secara meluas, bebas dan selamat.

Begitupun, tidak semua rakyat Malaysia, baik orang Islam mahupun bukan Islam, berlapang dada dan bersedia dengan status negara Islam.

Atas dasar itu, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama kerajaan negeri Selangor mengambil daya usaha menganjurkan Seminar Kebangsaan Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam, baru-baru ini.

Seminar dua hari itu bertujuan memberi penerangan dan pemahaman kepada semua pihak, baik pemimpin kerajaan, badan sukarela, penuntut institusi pengajian tinggi dan orang ramai.

Wakil bukan Islam turut dijemput bagi memberi gambaran lebih jelas kepada mereka berhubung pengumuman Perdana Menteri itu.

Kesediaan kerajaan Selangor menganjurkan program seumpama itu membuktikan keprihatinan mereka bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi menjelaskan kekeliruan yang mungkin timbul di kalangan rakyat.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, memang diketahui umum sebagai pemimpin muda Melayu yang berusaha menampilkan ciri kepemimpinan Islam.

Sebagai pemimpin pelapis, beliau boleh diharapkan menjadi barisan hadapan Umno dalam menghadapi serangan Pas mengenai isu berkaitan Islam.

"Malaysia adalah negara Islam dan rakyat negara ini, terutama umat Islam, tidak harus terus kabur mengenai status itu.

"Hakikat ini turut diakui negara asing, terutama negara Islam di dunia," katanya dalam satu temu bual.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Agama Pergerakan Pemuda Umno Malaysia berkata, umat Islam negara ini sepatutnya bersyukur kerana pengumuman itu

memberi imej yang baik kepada agama Islam, sekali gus mengangkat martabatnya.

Katanya, umat Islam perlu mengukuhkan akidah dan pemahaman terhadap agama.

Dr Mohd Khir turut menegaskan bahawa Malaysia bukan saja diisytihar sebagai sebuah negara Islam tetapi negara Islam fundamentalis.

"Maksud penganut agama Islam fundamentalis ialah yang mengamalkan ajaran agama sebenar selari dengan kehendak al-Quran dan hadis," katanya.

Menghuraikannya lebih lanjut, beliau berkata, kesungguhan kerajaan menjadikan Malaysia negara Islam contoh terbukti berjaya melalui pembentukan, pelaksanaan dan keberkesanan institusi pentadbiran, pengurusan dan ekonomi.

Katanya, pelaksanaan dasar Islam dalam segenap aspek kehidupan serta pembentukan institusi berasaskan Islam adalah usaha negara memperkasakan Islam yang diterima sebagai agama rasmi negara ini.

Oleh itu, katanya, rakyat bukan Islam tidak perlu bimbang kerana Islam adalah agama yang praktikal serta menjunjung prinsip kebenaran dan keadilan.

"Orang bukan Islam jangan bimbang (dengan pengumuman Malaysia sebagai negara Islam). Sejak merdeka, negara kita mengamalkan pemerintahan berciri Islam.

"Saya tahu ada yang bimbang kita (kerajaan) bersaing dengan Pas. Kita ingin tegaskan bahawa kerajaan tidak akan bersaing dengan Pas. Kita akan laksanakan konsep negara Islam mengikut acuan sendiri yang selari dengan prinsip al-Quran dan hadis," katanya.

Dr Mohd Khir akan mula bergerak ke setiap negeri untuk memberi penerangan kepada golongan muda pelbagai bangsa atas kapasitinya sebagai Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM).

Beliau juga sudah memulakan langkah awal melalui perbincangan bersama exco MBM yang dianggotai pemimpin muda pelbagai bangsa.

Katanya, anggota MBM faham dengan isu sebenar serta menyokong setiap usaha dan tindakan kerajaan.

Katanya, usaha dilakukan kerajaan selama ini membuktikan Islam tidak mengetepikan kemajuan duniawi kerana Malaysia kini diakui dunia sebagai negara membangun dan memiliki kekuatan tamadun.

Hakikatnya, langkah kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan Dasar Penerapan Nilai Islam sejak 20 tahun lalu ternyata memberi kesan besar dalam pentadbiran kerajaan.

Kini, tugas umat Islam menjadi semakin mencabar, apatah lagi selepas Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam.

Sehubungan itu, Dr Mohd Khir berpendapat perlunya diadakan majlis penerangan mengenai perkara itu dari semasa ke semasa.

Katanya, jentera kerajaan, badan sukarela, pemimpin setempat dan parti politik perlu melakukan kerja penerangan itu supaya rakyat memahami konsep negara Islam yang diamalkan di negara ini.

Sekali gus, katanya, ia dapat menangkis dakwah pihak tertentu yang menganggap pengumuman itu sekadar gimik politik demi meraih sokongan orang Melayu.

Dr Mohd Khir mengulangi ingatannya supaya rakyat Malaysia, terutama umat Islam, menolak dua golongan yang tidak senang duduk dan berusaha menafikan hakikat Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Golongan pertama ialah segelintir ekstremis agama yang bergerak atas tiket parti Islam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu manakala golongan kedua pula puak cauvinis perkauman yang kini berkempen menentang '929' atau perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri pada 29 September 2001.

"Kedua-dua pihak ini, walaupun tampak bertentangan dari segi matlamat,

sebenarnya saling melengkapi dalam menentang status negara Islam Malaysia," katanya.